

Bangi: Biarpun pihak berkuasa tempatan mengesahkan kediaman mereka selamat untuk diduduki masih wujud perasaan gusar dalam kalangan penduduk Blok 4, Flat PKNS Jubli Perak di Seksyen 4 di sini, susulan kejadian keretakan tiang di bangunan didiami.

Dalam kejadian Selasa lalu, 38 keluarga yang menghuni flat empat tingkat itu terpaksa dipindahkan ke dewan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) selepas tiang konkrit di bangunan berkenaan mengalami keretakan serius.

Arahan pengosongan itu dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas mendapati 18 daripada 114 tiang flat mengalami keretakan.

Namun Jumaat lalu, PKNS mengesahkan status bangunan berkenaan selamat untuk diduduki hasil pemeriksaan pakar perunding bersama arkitek Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM).

Pengerusi Persatuan Penduduk Jubli Perak, Mat Sharuddin Yatim, 60, berkata, ada penduduk yang tertanya-tanya status sebenar kediaman mereka walaupun hasil kajian menunjukkan tiada pergerakan yang boleh mengundang risiko.

“Antara yang menjadi ke-

Penduduk mahu status sebenar



KAWASAN flat dalam proses pembaikan. Gambar kecil, batang besi yang dipasang sebagai penahan.

risauan mereka, adakah keselamatan penduduk terjaga sepenuhnya.

“Masih ada yang berasa risau setiap kali hujan lebat. Mereka bimbang jika ada pergerakan tanah yang berlaku secara mendadak.

“Bagaimana saya yakin kerja pembaikan yang sedang dijalankan dapat membantu memperbaiki semula blok ini. Pihak kontraktor sudah mula memasang batang besi bagi menyokong struktur bangunan,” katanya ketika ditemui.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd Sani Hassan, 56, memberitahu kerisauan dirasai berkurangan selepas melihat kerja pembaikan yang dijalankan.

“Lagipun saya percaya kepada penilaian dan keputusan pihak perunding yang dilantik,” katanya.

Abdul Phairis Abdul Wahab, 47, yang mempunyai pengalaman bekerja sebagai Penyelia Tapak Pembinaan pula berkata, batang besi yang dipasang mampu bertindak sebagai penyelesaian sementara sebelum kerja

pembaikan utama dilakukan ke atas tiang yang retak.

“Setiap batang besi ini mampu untuk menahan beban seberat 500 kilogram, saya lihat mereka pasang hampir 500 batang besi di tingkat bawah flat.

“PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) memberikan tempoh selama dua minggu untuk kerja-kerja pembaikan awal. Manakala kerja pembaikan sepenuhnya dijangka siap dalam tempoh 45 hari,” katanya.